

KERTAS 1 (1249/1) : TINGKATAN 4

BAB 1 T4 : WARISAN NEGARA BANGSA

- 1 Berikut adalah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

- Raja
- Undang-undang
- Wilayah Pengaruh
- Rakyat

Pembentukan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu berbeza daripada yang berlaku di Barat. Apakah perbezaan tersebut?

- A Berkembang mengikut keperluan
B Kewujudan golongan pembesar
C Peranan raja dalam pentadbiran
D Kesetiaan rakyat kepada raja
- 2 Kesultanan Johor-Riau meneruskan usaha melaksanakan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka. Bagaimanakah usaha tersebut dilakukan ?
- A Menjalinkan hubungan diplomatik
B Menekankan kepentingan Islam
C Memajukan kegiatan persuratan
D Mengukuhkan ekonomi
- 3 Maklumat berikut menjelaskan maksud kedaulatan .

Lambang kekuasaan tertinggi sultan

Apakah kepentingan konsep tersebut dalam Kesultanan Melayu Melaka ?

- A Hak mutlak sultan mengawal rakyat dan wilayah
B Ikatan pemerintah dengan yang diperintah
C Pelaksanaan undang-undang yang adil
D Menjamin pentadbiran yang cekap
- 4 Apakah peranan golongan rakyat ?
- I Taat setia kepada sultan
II Mematuhi undang-undang
III Menjalankan pentadbiran
IV Kukuhkan ekonomi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 5 Apakah kesan hubungan timbal balik antara rakyat dengan raja dalam Kesultanan Melayu Melaka ?
- A Menyebabkan rakyat takut menderhaka kepada raja
 - B Rakyat akan lebih berhati-hati semasa berinteraksi dengan raja
 - C Melahirkan kesetiaan golongan diperintah kepada golongan pemerintah
 - D Mewujudkan persefahaman dan ikatan antara golongan pemerintah dengan golongan diperintah
- 6 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem keselamatan yang kemas di darat dan di laut. Bagaimanakah keselamatan laut pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terjamin?
- A Malim harus menguasai bidang pelayaran supaya selamat
 - B Nakhoda dilantik menjadi pemerintah semasa pelayaran
 - C Laksamana dilantik sebagai panglima angkatan laut
 - D Temenggung menjaga keamanan rakyat
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

Kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat

Kawasan tersebut ialah

- A Kawasan jajahan
 - B Kawasan pegangan
 - C Kawasan taklukan
 - D Kawasan naungan
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan Hukum Kanun Melaka.

Seseorang boleh dikenakan hukuman bunuh

Apakah keadaan yang membolehkan peruntukan tersebut dilaksanakan ?

- I Membunuh askar dalam peperangan
- II Membunuh tanpa pengetahuan raja
- III Memalsukan titah perintah
- IV Memalsukan arahan nakhoda

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan Fasal 9 Undang-undang Laut Melaka.

Sekiranya malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan, dia akan dijatuhi hukuman bunuh

Mengapakah hukuman berat tersebut dijatuhkan kepada malim ?

- A Memastikan tidak ada kerugian
 - B Supaya pelayaran selamat
 - C Menjaga keselamatan sultan
 - D Menjaga kepentingan pedagang
- 10 Hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat menjadi ciri penting dalam mengekalkan kejayaan sesebuah kerajaan.
Sebagai rakyat, mengapakah hubungan ini perlu dijaga ?
- A Mengangkat martabat raja yang memerintah
 - B Mengekalkan keamanan negara
 - C Mengelakkan malapetaka
 - D Mengelakkan dijajah